

KAJIAN TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK (SLR) PENDIDIKAN TAHFIZ HIBRID

A systematic literature review (SLR) of hybrid tahfiz education

*Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi¹, Zaharah Hussin¹, Saedah Siraj¹

¹Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
50603, Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author's email: pva180064@siswa.um.edu.my

Submitted: 22-Dec-2025	Accepted: 24-Dec-2025	Revised: 02-Mar-2026	Published: 30-Jun-2026
----------------------------------	---------------------------------	--------------------------------	----------------------------------

Abstrak

Pendidikan tahfiz semakin mendapat perhatian dalam konteks pembangunan modal insan dan integrasi teknologi pendidikan. Namun, kajian literatur yang menyeluruh mengenai pendekatan, cabaran, dan model pengajaran pendidikan tahfiz masih terhad. Kajian ini menggunakan metodologi PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses) bagi menilai, menapis, dan menganalisis artikel-artikel berkaitan pendidikan tahfiz yang diterbitkan antara tahun 2015 hingga 2024. Hasil saringan awal daripada 312 artikel, sebanyak 20 artikel dikenal pasti relevan selepas melalui proses PRISMA. Dapatan menunjukkan tiga tema utama: (i) strategi pedagogi tahfiz tradisional dan moden, (ii) integrasi teknologi dalam pengajaran tahfiz, dan (iii) cabaran dalam pelaksanaan model hibrid. Kajian ini memberi sumbangan dalam menyediakan gambaran menyeluruh perkembangan pendidikan tahfiz serta memberi cadangan pembangunan model pengajaran hibrid.

Kata kunci: Pendidikan Tahfiz, PRISMA, Kajian Sistematik, Pengajaran Hibrid, Integrasi Teknologi

Abstract

Tahfiz education has increasingly gained attention in the context of human capital development and the integration of educational technology. However, comprehensive literature on the approaches, challenges, and teaching models in tahfiz education remains limited. This study employs the PRISMA methodology (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses) to assess, screen, and analyze tahfiz-related articles published between 2015 and 2024. From an initial screening of 312 articles, 20 were identified as relevant following the PRISMA process. The findings highlight three main themes: (i) traditional and modern tahfiz pedagogical strategies, (ii) integration of technology in tahfiz teaching, and (iii) challenges in implementing hybrid models. This study contributes to a comprehensive understanding of the development of tahfiz education and provides recommendations for the advancement of effective hybrid teaching models.

Keywords: Tahfiz Education, PRISMA, Systematic Review, Hybrid Teaching, Technology Integration

1.0 PENGENALAN

Pendidikan tahfiz merupakan sistem pembelajaran berasaskan hafazan al-quran yang mempunyai tradisi panjang dalam peradaban islam. Dengan perkembangan teknologi pendidikan dan permintaan masyarakat, kaedah pengajaran tahfiz kini

berkembang kepada bentuk yang lebih fleksibel, termasuk pembelajaran dalam talian, modul hibrid, dan pendekatan integrasi.

Permasalahan ketiadaan akses teknologi yang mencukupi boleh menyebabkan isu pelajar tertinggal dalam hafazan, murāja'ah mahupun aktiviti pembelajaran. Hal ini boleh menjejaskan objektif asas pendidikan tahfiz iaitu menghasilkan huffaz berkualiti secara adil. Cabaran infrastruktur juga menjadi satu kekangan kemudahan dalam Pendidikan tahfiz. Nor Azam (2021) menyatakan penggunaan teknologi dalam pendidikan tahfiz di Malaysia menunjukkan bahawa walaupun terdapat perkembangan pesat dari sistem pondok tradisional ke institusi moden tetapi "digital divide" masih wujud. Ramai pelajar di luar bandar atau dari latar belakang kurang berkemampuan sukar memperoleh peranti dan sambungan internet stabil. Perubahan pendigitalan dalam institusi tahfiz telah dibincangkan sebagai keperluan untuk menyesuaikan dengan pendidikan abad ke-21 tetapi cabaran asas berupa kekurangan infrastruktur dan akses menjadi halangan utama pelaksanaan secara meluas.

Selain itu, ketiadaan usaha yang sistematik dalam membangunkan kompetensi digital menyebabkan pelaksanaan pendidikan tahfiz hibrid berisiko menjadi tidak efektif. Proses pembelajaran mudah beralih kepada penyampaian kandungan secara maya tanpa strategi pengajaran yang berkualiti sekali gus menjejaskan keberkesanan hafazan serta pemahaman al-qur'an dalam kalangan pelajar. Dalam kajian Haron et al. (2021) mendapati bahawa pengetahuan pedagogi guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pengajaran dalam program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), menunjukkan bahawa penguasaan pedagogi merupakan faktor penting dalam meningkatkan keberkesanan PdP tahfiz. Saad et al. (2025) berpendapat pengetahuan, kemahiran dan sikap guru saling mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pedagogi, sekali gus menunjukkan kepentingan latihan profesional yang berterusan. Guru tahfiz bukan sahaja perlu menguasai kaedah hafazan seperti talaqqi, musyāfahah, tikkar dan murāja'ah malah perlu mempunyai pengetahuan pedagogi, kemahiran mengintegrasikan teknologi serta sikap positif terhadap inovasi pengajaran.

Berdasarkan kelompangan, kajian ini bertujuan untuk meneliti, mengumpulkan dan mensintesis kajian lepas secara sistematik berkaitan dengan pendidikan tahfiz hibrid. Seterusnya kajian ini mencadangkan isu baharu yang boleh diterokai dan dikaji oleh pengkaji akan datang terhadap pendidikan tahfiz hibrid. Hal ini selari dengan objektif utama pendekatan SLR, iaitu untuk mengurangkan risiko berat sebelah dan meningkatkan ketelusan pada setiap peringkat proses semakan dengan menilai kualiti kajian yang disertakan, dan meringkaskannya secara objektif (Liberati et al., 2009).


2.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian tinjauan literatur sistematik (Systematic Literature Review) bagi mengenal pasti, menilai, menganalisis dan mensintesis kajian-kajian lepas berkaitan pendidikan tahfiz hibrid secara sistematik. Pendekatan SLR dipilih kerana mampu menghasilkan sintesis bukti yang lebih telus, sistematik dan boleh diulang berbanding tinjauan literatur secara naratif.

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kaedah tinjauan sistematik (SLR) melibatkan langkah-langkah yang teratur untuk mencari, menilai, dan menyampaikan maklumat dari pelbagai sumber literatur yang dipilih secara sistematik. Pencarian maklumat dilakukan dengan mengakses

pangkalan data utama sebagai langkah dalam mendapatkan bahan yang bersesuaian dengan keperluan kajian. Pencarian secara komprehensif dilaksanakan melalui pangkalan data utama seperti Scopus, Web of Science (WOS), dan Science Direct. Pangkalan data jurnal tambahan seperti Google Scholar dan My Cite digunakan untuk mempelbagaikan sumber maklumat. Bagi tujuan pencarian data, penulisan artikel ini berdasarkan pada publication standard Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) (Moher et al., 2009). Moher et al. (2020) menyatakan kaedah ini membantu penulisan literatur dengan lebih mudah, jelas dan tepat. Dalam pengaplikasian ini terdapat empat peringkat dalam PRISMA iaitu pengenalan (identification), saringan (screening), kelayakan (eligibility) dan termasuk (included). Lihat rajah 1 :



Rajah alir PRISMA
Sumber: Moher et al. (2009)

1. Identification

Dalam peringkat ini, langkah pertama adalah menentukan skop kajian yang jelas agar dapat membantu proses kajian. Untuk melakukan pencarian tajuk, strategi pencarian secara elektronik perlu dilakukan terhadap sekurang-kurangnya satu pangkalan data utama (Liberati et al., 2009). Satu pangkalan data diperlukan bagi menggunakan strategi pencarian elektronik melalui pencarian tajuk (Liberati et al., 2009). Ini disokong oleh kajian Xiao dan Watson (2019) yang berpendapat bahawa penggunaan lebih daripada satu pangkalan data mampu menutup jurang kelompangan yang wujud. Pencarian dimulakan dengan mengenalpasti pangkalan data utama yang diiktiraf antarabangsa dan berindeks untuk mengumpul maklumat berkaitan tajuk kajian.

Pencarian data dijalankan dengan mengakses pangkalan data scopus, Web of Science dan Science Direct dan Google Scholar dan dimasukkan dalam software Mendeley dan EndNote. Pangkalan data jurnal tambahan seperti Google Scholar dan My Cite digunakan sebagai pangkalan data sokongan. Pencarian menggunakan enjin carian di Google Scholar ia membantu untuk meliputi rujukan yang tidak diliputi oleh pangkalan data lain (Yang & Meho, 2006). Bagi kata kunci kajian ini memfokuskan kata kunci "Tahfiz education", "Hybrid learning in tahfiz" dan "Hafiz pedagogy" bagi mendapatkan data kajian. Tanda kurungan () dan boolean OR dan AND digunakan bagi membolehkan pencarian perkataan lain yang mewakili topik dalam kata kunci. Pemilihan kata kunci yang tepat perlu dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang bersesuaian dengan topik yang dibincangkan.

2. Screening

Kaedah penyelidikan yang digunakan dengan penganalisisan dokumen terhadap artikel jurnal dan kertas prosiding persidangan yang dihasilkan oleh para ahli linguistik. Penyelidik menentukan jangka masa dalam kajian isebabkan kekangan dalam membaca semua artikel yang telah diterbitkan. Justeru, carian artikel dihadkan bermula tahun 2015 sehingga Disember 2024. Tempoh masa diambil daripada hasil perbincangan berdasarkan Pendidikan tahfiz dan Hibrid. Pengaplikasian SLR yang meliputi tahun kajian, latar belakang, permasalahan kajian, metod dan dapatan kajian. Dalam kajian ini, Bahasa melayu dan Bahasa inggeris dipilih sebagai bahasa pengantar dalam pencarian artikel literatur. Hasil carian mendapati sebanyak 13131 bahan rujukan yang diterima dengan kesesuaian untuk dianalisis dalam SLR.

Pada peringkat ini, 312 artikel telah dikeluarkan daripada senarai. Hal ini kerana faktor pertindihan artikel yang sama dalam pangkalan data. Seterusnya, proses saringan diteruskan dengan mengeluarkan artikel yang tidak menepati kriteria yang telah ditetapkan. Sebanyak 52 artikel telah dikeluarkan selepas pembacaan secara teliti terhadap artikel dilakukan. Antara faktor penilaian yang ditetapkan dalam pemilihan artikel ialah tahun penerbitan bermula pada tahun 2015 sehingga yang terkini, iaitu Disember 2024, jenis dokumen, jurnal dan prosiding persidangan dan penulisan artikel dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Jadual 1 menunjukkan kriteria kemasukan dan pengecualian yang diambil kira dalam proses pemilihan artikel.

Jadual 1 : Kriteria kemasukan dan pengecualian

kriteria	Kemasukan	pengecualian
Tahun Penerbitan Jenis Dokumen Bahasa	2015 – 2024 Artikel jurnal dan kertas persidangan Bahasa inggeris dan melayu	< 2015 Buku, bab dalam buku, tesis, surat khabar, monograf, yang terhad kepada Bahasa inggeris dan melayu

3. Eligibility

Peringkat ketiga ialah kelayakan (eligibility) yang melibatkan pemilihan secara manual dan komprehensif bagi memastikan artikel memenuhi kriteria kemasukan dan sesuai digunakan dalam kajian semasa bagi memenuhi objektif kajian. Proses ini dimulakan dengan membaca tajuk dan abstrak artikel serta keseluruhan artikel sekiranya ketidakfahaman yang jelas mengenai artikel dipilih. Artikel yang tidak memenuhi kriteria dan tema akan dimansuhkan. Sebanyak 361376 artikel dinilai tahap kelayakan mengikut kriteria kajian pada peringkat ini. Daripada hasil analisis, sebanyak 213 artikel tidak memenuhi kriteria kajian iaitu tidak berkaitan dengan Pendidikan tahfiz dan Hibrid.

4. Included

Bagi peringkat ini, pengkaji dapat mengenalpasti jumlah akhir artikel yang digunakan sebagai sampel kajian dalam SLR dalam fasa akhir ini. Secara keseluruhannya, sebanyak 123 artikel telah dipilih dan digunakan untuk mengenalpasti kajian lepas Pendidikan tahfiz dan hibrid.

3.0 PERBINCANGAN

Kajian Sistematik Literatur Review (SLR) ini dilakukan dengan menggunakan pangkalan data dan Google Scholar, ERIC, Research gate sebagai platform dalam pencarian maklumat berkaitan kajian. Berdasarkan analisis SLR, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat 3 tema yang dikenalpasti dalam pencarian tersebut. Berikut adalah tema :

3.1 Pedagogi Tahfiz Tradisional dan Moden

Pedagogi tahfiz tradisional merujuk kaedah, amalan dan susunan pengajaran yang digunakan untuk membantu pelajar menghafaz dan mengekalkan al-Quran. Ia merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran dalam tahfiz. Dalam konteks Malaysia, pendidikan tahfiz berkembang melalui dua kaedah iaitu kaedah tradisional dan moden. Hasil tinjauan SLR mendapati bahawa kaedah tradisional masih dominan dalam konteks pedagogi tahfiz dengan kaedahnya iaitu talaqī musyafahah. Talaqī musyafahah ialah kaedah tradisi yang terbukti berkesan menyampaikan sebarang sebutan dengan tepat dan dianggap satu-satunya cara sahaja yang boleh digunakan untuk mempelajari al-Quran. Kaedah talaqī musyafahah adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang disarankan dalam pembelajaran al-Quran (KPM, 2002).

Bagi Pendidikan tahfiz moden ia merujuk kepada transformasi sistem penghafazan al-Quran yang menggabungkan tradisi talaqī-musyāfahah dengan inovasi pedagogi, teknologi digital, keperluan kemahiran abad ke-21. Pendekatan ini memastikan pelajar bukan sahaja menghafaz al-Quran, tetapi juga memiliki kemahiran akademik, vokasional dan kompetensi insaniah untuk menghadapi realiti dunia moden.

3.2 Integrasi Teknologi

Integrasi teknologi dalam pendidikan tahfiz merujuk penggunaan alat digital, platform dan strategi pedagogi berasaskan ICT atau AI untuk menyokong proses hafazan, murāja`ah (ulang kaji), pembedahan bacaan, penilaian serta pembangunan akhlak dan kefahaman al-Qur'an. Trend ini diperkuatkan oleh peningkatan capaian internet dan kepemilikan peranti di kalangan pelajar serta inisiatif program pendidikan hibrid. Antara contohnya melalui model Ulul Albab atau TMUA yang menggabungkan hafazan dengan kurikulum kebangsaan. Beberapa bentuk teknologi yang boleh digunakan dalam Pendidikan tahfiz banyak dikenalpasti melalui hasil tinjau SLR. Antaranya ialah :

1. Aplikasi mudah alih & platform murāja`ah

Aplikasi mudah alih dan platform murāja`ah memberi ruang kepada pelajar mengulang dengan cara yang konsisten. Banyak aplikasi tempatan daripada yang sederhana seperti penanda ayat hingga yang canggih dengan sistem gamifikasi berfungsi merekod bacaan, mengesan kesilapan asas tajwid, dan membina jadual ulangan adaptif. peningkatan motivasi dan autonomi pelajar apabila sistem ini

digunakan secara konsisten sebagai alat sokongan, bukan pengganti guru. Ini seumpama membawa “halaqah mini” di dalam poket.

2. Rakaman audio/video

Mencipta ruang belajar tanpa waktu. Pelajar boleh menghantar rakaman bacaan mereka untuk disemak guru, sementara guru boleh menyediakan rujukan standard dalam bentuk rakaman bacaan bermutu. Hasil tinjauan SLR mendapati model asinkron ini sangat membantu pelajar yang tinggal jauh, terutama dalam situasi pembelajaran jarak jauh pasca-pandemik. Rakaman memberi peluang pembetulan yang lebih teliti mirip seperti membekukan sebutan dan memeriksanya bingkai demi bingkai.

3. Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) & blended learning

Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) membawa dunia tahfiz masuk ke lorong pembelajaran hibrid. Modul digital, kuiz interaktif, dan rekod prestasi dalam satu platform membolehkan pemantauan yang sistematik. Hasil tinjauan mendapati bahawa gabungan halaqah tradisional dengan modul digital meningkatkan ketekalan hafazan kerana pelajar sentiasa boleh menjejaki kelemahan mereka sendiri. LMS ibarat papan pemuka yang menunjukkan peta perjalanan hafazan: di mana pelajar kuat, di mana mereka tergelincir.

3.3 Cabaran Hibrid

Perubahan landskap pendidikan global dan peningkatan penggunaan teknologi telah memberi kesan kepada pendidikan tahfiz dan pendidikan Islam. Kajian semasa menunjukkan bahawa institusi tahfiz, sekolah agama, dan institusi pendidikan Islam menghadapi pelbagai cabaran yang merangkumi aspek infrastruktur, kurikulum, nilai tradisional, motivasi pelajar, serta keberkesanan pembelajaran dalam talian dan hibrid. Antara cabaran yang dikenal pasti :

1. Cabaran Infrastruktur Dan Kesediaan Teknologi

Faktor asas yang utama dalam mempengaruhi keberkesanan pembelajaran digital. Sorotan kajian terdahulu menunjukkan pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor Alam Impian mendapati pelajar menunjukkan penerimaan positif terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran, masalah seperti capaian internet yang tidak stabil, kekurangan peranti serta kekurangan sumber pembelajaran digital. Selain itu, perkembangan institusi tahfiz swasta pasca-pandemik mendapati bahawa banyak institusi tidak mempunyai kemudahan ICT yang mencukupi untuk melaksanakan model pembelajaran hibrid secara optimum.

2. Pengurusan Kurikulum Dan Kualiti Pengajaran Tahfiz

Aspek pemahaman dan penghayatan al-Qur'an semakin terpinggir kerana tekanan untuk menghabiskan hafazan dalam tempoh yang ditetapkan. Hal ini menyebabkan pelajar lebih tertumpu kepada hafazan mekanikal tanpa memahami makna ayat, konteks tafsir dan implikasi amali. Dalam konteks pendidikan Islam, guru perlu menghadapi cabaran dalam menyesuaikan kurikulum tradisional dengan keperluan pedagogi abad ke-21 seperti pembelajaran berasaskan projek, pentaksiran autentik, penggunaan aplikasi digital serta penglibatan aktif pelajar. Rosnani et. al (2022) menunjukkan guru Pendidikan Islam menuntut perubahan berstruktur dalam bahan pengajaran, sukatan pelajaran dan latihan profesional untuk memastikan transformasi ini dapat dilaksanakan secara berkesan.

3. Integrasi Nilai Tradisional Dan Spiritual Dengan Teknologi Moden

Pendidikan tahfiz tradisional sangat menekankan nilai adab, hubungan murabbi muta'allim, keberkatan talaqqi serta kehadiran fizikal semasa proses pembetulan bacaan. Kajian Suhada et al. (2025) menyatakan bahawa pelaksanaan blended learning dalam pendidikan Islam mendapati terdapat ketegangan antara nilai-nilai tradisional tersebut dengan keperluan fleksibiliti dan kaedah digital yang semakin meluas. Dalam konteks pendidikan tahfiz, penggunaan aplikasi hafazan seperti audio digital atau pengajaran dalam talian tidak boleh menggantikan sepenuhnya kepada elemen tradisional seperti talaqqi musyafahah. Justeru pelaksanaan teknologi tanpa kawalan dan adab boleh menyebabkan berlakunya pengabaian nilai ruhiyyah dan pembinaan akhlak yang menjadi asas pendidikan tahfiz

4.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, jelas memperlihatkan bahawa kajian SLR berkaitan Pendidikan tahfiz memberikan banyak maklumat bermanfaat. Justeru, kajian ini merupakan kajian awal bagi pengkaji yang mahu melakukan kajian yang lebih mendalam sekali gus memperluaskan ruang lingkup kajian. Kajian ini dapat menjadi sumber rujukan oleh penyelidik lain pada masa akan datang khususnya dalam bidang Pendidikan tahfiz hibrid.

5.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Pengkaji mengisytiharkan tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan yang melibatkan kewangan atau peribadi yang wujud semasa proses pelaksanaan dijalankan. Segala aktiviti penyelidikan dijalankan secara berhemah dan teratur.

6.0 PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia Prof. Dr Zaharah Hussin dan Prof Saedah Siraj, Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Malaya atas bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan dalam menyiapkan proses kertas kerja ini.

7.0 SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan tahfiz dengan menghimpun, menganalisis dan mensintesis dapatan kajian terdahulu secara sistematik berkaitan Pendidikan Tahfiz Hibrid. Melalui pendekatan Systematic Literature Review (SLR), artikel ini mengenal pasti trend penyelidikan, tema utama, jurang kajian serta cabaran pelaksanaan pendidikan tahfiz hibrid yang belum diterokai secara menyeluruh.

8.0 RUJUKAN

Abdul Hamid, M. F., Jofri, M. H., Meerangani, K. A., Md Sharipp, M. T., Bin Md Ariffin, M. F., Ayub, M. S., & Raihan, A. S. (2025). Integrated management model of Malaysian private Tahfiz centres for user acceptance satisfaction by using

- linear regression. *Baghdad Science Journal*, 22(1), 335–348.
<https://doi.org/10.21123/bsj.2024.9560>
- Abd Razak, S. R. (2020). Isu pendidikan guru tahfiz: Pengetahuan pedagogi dan amalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pusat tahfiz persendirian di Selangor. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies*. Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-42IK-13>
- Abdullah, N. A. . (2021). Technology Related Tahfiz Al-Quran Learning in Malaysia: A Systematic Literature Review: Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Berbantuan Teknologi di Malaysia: Satu Kajian Sorotan Literatur Sistematik. *Sains Insani*, 6(3).
<https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no3.361>
- Ahmad, A. M., Musa, M. A., Saleh, M. H., Alias, N., & Muhammad, K. A. (2022). Tahfiz education in Malaysia: Issues and problems in memorising Quranic mutashabihat verses and its solution. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1).
<https://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i1/10821>
- Haron, M. Z., Md Zalli, M. M., Othman, M. K., & Awang, M. I. (2021). Examining the teachers' pedagogical knowledge and learning facilities towards teaching quality. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 10(1), 1–9. <https://doi.org/10.11591/ijere.v10i1.20780>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah: Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Liberati, A., Altman, D. G., Tetzlaff, J., Mulrow, C., Moher, D., Mike, C., Devereaux, P. J., Gotzsche, P. C., Ioannidis, J. P. A., & Kleijnen, J. (2009). The PRISMA statement for reporting systematic reviews and meta-analyses of studies that evaluate health care interventions: explanation and elaboration. *PLoS Medicine*, 6(7).
<https://doi.org/10.1136/bmj.b2700>
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D.G. (2020). PRISMA 2020 statement: Updated guidelines for reporting systematic reviews. *BMJ*.
<https://doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff J., & Altman, D. G. (2009). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: the PRISMA statement, *PLoS Medicine*, 6(7). <https://doi.org/10.1016/j.ijsu.2010.02.007>
- Muhd Isa, R. A., Saad, M. F., Mohamad, S. B., Abdul Majid, L., & Nik Abdullah, N. M. A. (2024). Teaching and facilitation (PdPc) using the 21st century approach (PAK21) by Tahfiz Model Ulul Albab teachers in Selangor. *Educational Administration: Theory and Practice*, 30(4).
<https://doi.org/10.53555/kuey.v30i4.6183>
- Saad, M. F. M., Ataa, N. S. M., Mohamad, S., Amran, N. N., & Ishak, H. (2025). Structural Equation Modelling (SEM) of Tahfiz Teachers' Knowledge, Skills and Attitudes in Implementing Higher Order Thinking Skills (HOTs). *QURANICA - International Journal of Quranic Research*, 17(2).
<https://doi.org/10.22452/quranica.vol17no2.29>
- Suhada, Arief, A., & Sarnoto, A. Z. (2024). Implementations of Blended Learning from the Al-Qur'an Perspective. *ADI Journal on Recent Innovation (AJRI)*, 6(2).
<https://doi.org/10.34306/ajri.v6i2.1187>
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93-112.
<https://doi.org/10.1177/0739456X17723971>
- Yang, K., & Meho, L. I. (2006). Citation analysis: A comparison of Google Scholar, Scopus, and Web of Science. *Proceedings of the American Society for*

Information Science and Technology, 43(1), 1–15.
<https://doi.org/10.1002/meet.14504301185>

Yusup, N. M., Abdul Rahim, M. M., & Borham, A. H. (2025). Effective strategies in Qur'an memorization and revision (murajaah) practices among Tahfiz students in Malaysia: A systematic review. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 7(25). <https://doi.org/10.35631/IJMOE.724002>